



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	KOSMO		
TARIKH	:	21/8/2019	MUKA SURAT	: 16
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Perhilitan guna Abot, Rambai pindah gajah liar Memali

BALING – Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Kedah semalam memindahkan seekor gajah liar yang ditangkap di Kampung Memali di sini pada Khamis lalu ke Hutan Simpan Royal Belum, Gerik, Perak. Pengarah Perhilitan Kedah, Jamalun Nasir Ibrahim berkata, proses pemindahan gajah jantan itu dibantu dua ekor gajah denak bernama Abot dan Rambai yang dibawa dari Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK) bagi tujuan memujuk.

“Gajah seberat dua tan dan berusia kira-kira 15 tahun ini ditangkap pada malam Khamis lalu di kawasan Kampung Memali selepas kami menerima banyak ad-



DUA ekor gajah denak bernama Abot dan Rambai digunakan untuk memujuk seekor gajah jantan liar yang ditangkap di Kampung Memali, Baling, Kedah semalam.

uan daripada penduduk mengenai ganguannya.”

“Gajah ini tinggal di kawasan

masuk ke kawasan kampung untuk mencari makanan menyebabkan penduduk berais bimbang,” katanya kepada pemberita di sini semalam.

Katanya, gajah tersebut dibawa ke Hutan Simpan Royal Belum, Gerik, Perak menggunakan lori dan akan dilepaskan di habitat baharunya iu yang lebih selamat.

Jamalun Nasir berkata, penduduk membuat aduan mengenai ganguan gajah itu sejak tiga bulan lalu dan pihak Perhilitan melakukan pemantauan dan mencari kaedah sesuai untuk mengangkapyanya.

“Bentuk muka bumi kawasan ini yang berbukit menyukarkan kami untuk menangkapnya dan

kami perlu membuat persediaan bagi mengelakkan risiko keselamatan kepada anggota kami dan gajah itu sendiri,” katanya.

Menurut beliau, selain daripada gajah yang ditangkap itu, terdapat ganguan daripada gajah lain di situ memandangkan kampung tersebut mempunyai banyak sumber makanan termasuk kelapa sawit, kebun pisang dan buah-buahan.

“Buat masa ini, kami rasa aduan mengenai ganguan gajah ini akan berkurangan selepas kami tangkap gajah ini, tetapi selepas ini kami yakin akan ada lagi ganguan dan kami akan terus memantau dari semasa ke semasa,” katanya. – Bernama